

Berhibur sambil berdakwah

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Seni yang bermanfaat bukan lahir daripada hiburan kosong semata-mata, sebaliknya harus padat dengan mesej kerohanian serta berlandaskan syariat Islam.

Menyedari perkembangan positif aktiviti seni berkonsepkan Islam yang menjadi wadah dakwah ketika ini, Pusat Kebudayaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Festival Seni USIM (i-FESSEM15) bertema 'Royal and Glitter' di Dewan Besar USIM, baru-baru ini.

Pengarah i-FESSEM15, Mohamad Aizat Mohamad Sani, berkata program dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM itu adalah wadah untuk berkongsi ilmu dan kemahiran dakwah dalam seni.

Katanya, keberkesanan dakwah dalam seni yang diterapkan adalah bergantung kepada input yang diterima oleh individu.

Seni berbudaya

"Tiga elemen dakwah dalam seni diterapkan dalam i-FESSEM15, iaitu dekat dengan pencipta, menyeimbangkan duniawi dan ukhrawi juga untuk meningkatkan ketajaman pemikiran.

"Tidak terhad kepada pelajar USIM sahaja, orang ramai turut hadir memeriahkan lagi



Persembahan pembukaan i-FESSEM15.



Aksi peserta persembahan drama.

festival kali ini," katanya.

Berpegang kepada moto mengangkasakan seni berbudaya, Mohamad Aizat berkata, i-FESSEM 15 juga bertujuan menentengahkan bakat seni dalam kalangan pelajar.

Katanya, kemuncal festival ialah Majlis Anu-

gerah Seni USIM yang diraikan penuh gilang-gemilang.

i-FESSEM 2015 berjaya mengangkat seni berbudaya sebagai kayu pengukur bagi melahirkan karyawan seni yang menjaga syariat bagi mengekspresi seni dalam kalangan pelajar.

“

TIGA ELEMEN DAKWAH DALAM SENI DITERAPKAN DALAM I-FESSEM15, IAITU DEKAT DENGAN PENCIPTA, MENYEIMBANGKAN DUNIAWI DAN UKHRAWI JUGA UNTUK MENINGKATKAN KETAJAMAN PEMIKIRAN”

Mohamad Aizat Mohamad Sani,
Pengarah i-FESSEM15



Penonton i-FESSEM15 turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian.